

# 36 Pensyarah Hadiri Bengkel TRIZ

Oleh Azri Onn Othman



Seramai 36 orang pensyarah dari universiti tempatan telah menghadiri Bengkel Theory Of Inventive Problem Solving (TRIZ) Siri 1, di Bilik Mesyuarat, Tingkat 11, Bangunan Menara, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada 28-29 Jun 2010.

Penyelaras bengkel, Mohd Yuszren Yusak berkata mereka terdiri daripada dekan dan pensyarah dari seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) terutama dari Fakulti Teknologi Maklumat (IT) dan Kejuruteraan.

Katanya, mereka mewakili UMS, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan tuan rumah UMS-KAL serta Intel dan Multimedia Development Corporation (MDeC).

Beliau yang juga Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Sekolah Sains dan Informatik Labuan (SSIL) berkata bengkel dua hari itu bertujuan untuk menyelesaikan masalah secara lebih cepat.

Bengkel anjuran MDeC itu dikendalikan oleh Jurutera Intel, Dr Yeoh Teong San.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengurus Besar (Bahagian Latihan) MDeC, Muhammad Imran Kunalan Abdullah.

Turut hadir Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim.